

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA,
MESYUARAT KOSONG, PENGGAL KOSONG,
PARLIMEN KOSONG TAHUN**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN CHIEW CHOON MAN
(MIRI)
TARIKH : 10 DISEMBER 2009 (KHAMIS)

SOALAN

YB Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan kadar kejayaan projek pembasmian kemiskinan, terutama sekali dari segi perubahan sikap dan semangat mereka.

JAWAPAN

Usaha pembasmian kemiskinan di negara ini bukanlah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) semata-mata tetapi merupakan tindakan yang dilaksanakan secara bersepadu melalui komitmen pelbagai Kementerian dan agensi. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berperanan membantu meringankan beban mereka yang berkeperluan serta memerlukan bantuan dengan menyediakan beberapa skim bantuan kebajikan yang bersesuaian buat sementara waktu sehingga mereka dapat dipulihkan untuk hidup berdikari dan keluar dari kepompong kemiskinan. Berdasarkan data e-Kasih, terdapat sebanyak 44,643 Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar di negara ini. JKM pula telah dipertanggungjawabkan menjalankan siasatan ke atas setiap isi rumah tersebut dan sebanyak 16,147 KIR yang memenuhi kriteria dan syarat kelayakan bantuan yang ditetapkan telah diluluskan bantuan kebajikan di bawah pelbagai skim bantuan. Tuan Yang di-Pertua, Dalam memastikan usaha pembasmian kemiskinan dilaksanakan dengan jayanya, KPWKM telah dipertanggungjawabkan sebagai Kementerian Peneraju Bidang Keberhasilan Utama Negara ataupun, dengan izin, 'National Key Result Areas (N-KRAs)' untuk meningkatkan taraf hidup rakyat berpendapatan rendah. Satu daripada sasaran NKRA ini ialah penghapusan sepenuhnya KIR miskin tegar menjelang 31 Disember 2010 melalui pelaksanaan, dengan izin, 'productive welfare' yang antara lain menekankan kepada perubahan positif sikap dan semangat KIR miskin dan miskin tegar yang produktif menerusi pelaksanaan program perubahan minda dan latihan-latihan peningkatan kemahiran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap tahun sebanyak 400 ratus orang penerima bantuan kebajikan bulanan JKM yang produktif telah diluluskan bantuan Geran Pelancaran untuk memulakan aktiviti penjanaaan pendapatan yang mampu mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan. Jawapan Disediakan Oleh: 1) Nama : Aidah binti Md Tan 2) Jawatan : Penolong Pengarah Kanan 3) Bahagian : Pembangunan Sosiekonomi dan Bantuan 4) No.Tel. : 03-26165992 Jawapan Disemak Oleh:- 1) Nama : Inau Edin Nom 2) Jawatan : Pengarah 3) Bahagian : Pembangunan Sosiekonomi dan Bantuan Jawapan Diluluskan Oleh

NO SOALAN: 42

Jabatan:- 1) Nama : Dato' Meme Zainal Rashid 2) Jawatan : Ketua Pengarah JKM
Jawapan Disemak dan Diluluskan Oleh Kementerian :- 1) Nama : Y. Bhg. Dato'
Saripuddin Kasim 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)